

**PERDAGANGAN DAN PERTUKARAN MATAWANG DALAM ISLAM:SATU  
ANALISA PERUNDANGAN**

**Oleh:**

**Md.Som Sujimon (PhD)**

**Ketua Eksekutif**

**Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)**

**Abstrak**

[Pertukaran matawang asing dalam sistem Islam klasik terbentuk melalui dua mekanisma iaitu *al-Sarf* atau *money changer* dan *suftajah* iaitu seperti kiriman wang melalui sistem "*telegrafic transfer*", satu mekanisma yang diamalkan oleh bank-bank konvensional dalam urusan pengiriman wang dari sebuah negara ke sebuah negara lain. Konsep dan teori *al-Sarf* dan *suftajah* dalam fiqh mu'amalat klasik ini penting demi memastikan aktiviti pertukaran wang yang dijalankan adalah sah dari sudut syara. Dalam konteks pertukaran matawang asing dari perspektif Islam, dinar emas (Romawi) dan dirham perak (Parsii) telah dijadikan tanda aras pertukaran pada masa itu. Pertukaran dan perdagangan matawang dalam Islam adalah mengikut syarat kontrak jual-beli iaitu, adanya penjual, ada

pembeli dan wujud matawang yang didagangkan. Penentuan nilai yang dipersetujui dan dilakukan pertukarannya hendaklah dengan serta merta iaitu "lani" (*on the spot*). Pertukaran dan perdagangan matawang dalam sesebuah negara dengan matawang di sesebuah negara lain semasa zaman Rasulullah SAW hukumnya adalah harus selagi mana amalan riba *al-fadl* dan riba *al-nasi'ah* dapat dihindarkan. Rasulullah SAW membenarkan pertukaran matawang emas dengan matawang perak atau matawang perak dengan matawang emas selagi tukarannya adalah mengikut nilai pada hari itu. Artikel ini menggunakan kajian perpustakaan iaitu merujuk kepada bahan-bahan bacaan iaitu sama ada buku atayu artikel yang berkaitan dan seterusnya mengemukakan hasil analisa daripada kajian tersebut. Kesimpulan dikemukakan pada bahagian akhir artikel ini.]

### Abstract

[Foreign currency in classical Islamic system was formed through two Mechanisms i.e. money changer and *suftajah* or "telegrafic transfer", a mechanism applied by conventional banks as remittance of money being transacted from a country to other countries. Concept and theory of *suftajah* in the Islamic transaction law as indicated in the classical books of fiqh has been outlined as such is to ensure the exchange activity is conformed with the shari'ah law. In the context of foreign currency exchange in Islam, gold dinar (Roman) and dirham silver (Persian) has been made as benchmark at that time. Exchange and currency trading in Islam is based on certain conditions which have been stipulated in the contract of buying and selling. In normal circumstance, it requires the availability of seller, buyer and kind of currency to be traded, determination of value exchanged need to be agreed upon by all parties involved and the exchange to be taken place on the spot. Exchange and currency trading with other currency during the Prophetic time was allowed so long as interest and usury activities could be avoided. The Prophet (PBUH) allowed gold currency to be exchanged with silver currency or silver currency with gold currency if the exchange is taking place and the value of exchange rate is similar to that day. This article employs library study that is by referring to related reading materials i.e. books and articles and after that addressing the result of the analysis. Conclusion to be highlighted in the last part of the article]

## PENGENALAN

Matawang yang digunakan semasa pemerintahan Nabi Muhammad SAW di Makkah dan Madinah ialah Dinar (emas) yang dikeluarkan oleh pemerintah Romawi atau Byzantine Empayar untuk kegunaan orang-orang Romawi. Manakala Dirham (perak) pula adalah dikeluarkan oleh Empayar Parsi (termasuk Iraq). Pada zaman Nabi Muhammad SAW komuniti Arab pada masa itu menggunakan matawang tersebut kerana matawang Dinar dan Dirham Islam hanya mula dicipta dan digunakan pada zaman pemerintahan Umawiyah iaitu pada zaman Khalifah al-

Walid b. 'Abd al-Malik (668-715M).<sup>1</sup> Nabi Muhammad SAW sendiri tidak menghalang orang ramai pada masa itu menggunakan matawang Dinar Romawi dan Dirham Parsi.<sup>2</sup>

Dari segi sejarah, manusia memang menggunakan matawang yang berasaskan logam khususnya dinar. Hal ini disebut di dalam al-Qur'an. Ayat pertama, firman Allah:

“Dan di antara Ahli Kitab, ada orang yang kalau Engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun, ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan: "Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang ummi dan, mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta)".

Ayat kedua, firman Allah:

“Dan (setelah berlaku perundingan) mereka menjualnya dengan harga yang murah, iaitu beberapa dirham sahaja bilangannya; dan mereka adalah orang-orang yang tidak menghargainya”.

<sup>1</sup> Ahmad, al-Salus (Dr.), *Ahkam al-nuqud wa istibdal al-‘umulat*, Qahirah, Dar al-I‘tisam, t.t., hlm. 4.

<sup>2</sup> M.Zarra, Nezhad, *A Brief history of money in Islam and estimating value of dirham and dinar*,

<sup>1</sup> International Association for Islamic Economics, 2004, Review of Islamic Economics, jil. 8, No. 2, hlm. 51; lihat juga al-Baladhuri, *Futuh al-balidan*, Qahirah, Maktabah al-Majlis al-‘Ilmi, 1956, hlm. 452; Ibn Khaldun, *al-Mugaddimah*, Qahirah, Dar al-Nahdah, 1336H, hlm. 48.

Al-‘Imran (3) ayat75.

<sup>4</sup> Yusuf (12) ayat 20.

Jelas, bahawa manusia sejak zaman berzaman sentiasa menggunakan matawang untuk berurus dalam aktiviti perniagaan mereka.

## **NILAI DINAR EMAS DAN DIRHAM PERAK PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD SAW**

Agak menarik juga, jika kita pada masa kini dapat mengetahui berapakah nilai matawang emas di zaman Nabi Muhammad SAW. Nilai satu dinar pada zaman Nabi adalah dilihat dari segi timbangannya. Satu dinar timbangannya ialah seberat 1 *mithqal* iaitu lebih kurang 5 gram.<sup>5</sup> Pada masa itu, nampaknya pengurup wang sudah mempunyai metode tertentu ketika menjalankan perniagaan pertukaran matawang. Seseorang yang mempunyai matawang selain daripada dinar dan dirham, atau sesiapa sahaja baik dari mana asalnya yang ingin menukar wangnya kepada Dinar, apa yang perlu dilakukan, bahawa matawang yang hendak didagangkan mestilah boleh dinilai dengan matawang dinar. Justeru, matawang dinar yang akan didagangkan hendaklah sama nilainya daripada sudut timbangan wang yang hendak ditukarnya. Ini bertujuan supaya dapat mengekalkan persamaan daripada sudut nilai matawang tersebut. Umpamanya dari sudut timbangan Dinar Romawi yang akan ditukar kepada Dinar Parsi hendaklah sama. Begitu juga halnya dengan Dirham Perak. Dirham Perak negeri Sham (yang ketika itu berada di bawah pemerintahan Romawi), mestilah sama daripada sudut timbangannya dengan Dirham Perak Madinah. Maka penentuan nilai matawang tersebut adalah berdasarkan kepada nilai yang boleh dijual dan dibeli semasa matawang tersebut didagangkan dan ianya hendaklah berada di tangan dan berlaku perdagangan untuk pertukaran matawang tersebut di dalam majlis akad jual beli "lani" (*on the spot*). Sungguhpun begitu, ketika membincangkan isu ini, para fuqaha tidak menjelaskan rukun dan syarat-syarat secara terperinci, kerana dijangkakan bahawa syarat dan rukun perdagangan adalah sama dengan syarat dan ruku jual beli sebagai yang dijelaskan dalam syariah Islam. Sebagai mengambil pendekatan yang boleh diketengahkan dalam isu ini, maka pertukaran dan perdagangan matawang adalah mengikut syarat kontrak jual-beli iaitu, ada penjual, ada pembeli, wujud matawang yang didagangkan, penentuan nilai yang dipersetujui,

---

<sup>5</sup> M.Zarra, Nezhad, *A brief history of money in Islam and estimating value of dirham and dinar*, International Association for Islamic Economics, 2004, Review of Islamic Economics, vol. 8, No. 2, p. 53; lihat juga al-Baladhuri, *Futuh al-buldan*, hlm. 452; Ibn Khaldun, *al-Muqaddimah*, hlm. 48.

sama daripada sudut timbangan dan dilakukan pertukaran matawang dengan serta merta iaitu ”lani” (*on the spot*).

Pertukaran dan perdagangan matawang dengan matawang dalam bahasa Arab disebut sebagai ”*al-sarf*”, ”*tahwil al-‘umlat*”, ”*tabdil al-‘umlat*”, ”*istibdal al-‘umlat*” atau ”*al-mutajarah bi al-‘umlat*”. Mengikut majoriti fuqaha, pertukaran dan perdagangan matawang dengan matawang negeri lain semasa zaman Rasulullah SAW hukumnya harus selagi amalan riba *al-fadl*,<sup>6</sup> dan riba *al-nasi’ah*,<sup>7</sup> itu dapat dihindarkan. Seterusnya, pertukaran dan perdagangan matawang pada zaman Khulafa’ al-Rashidin, tidak jauh bezanya dengan zaman Rasulullah SAW, di mana dua matawang yang terkenal ialah matawang Dinar, diperbuat daripada emas dan matawang Dirham iaitu yang diperbuat daripada perak. Seterusnya, pada zaman Umayyah dan ‘Abbasiyyah, Dinar Emas dan Perak terus digunakan oleh masyarakat Islam atau bukan Islam sebagai matawang utama dalam perdagangan mereka kerana pada zaman tersebut, kerajaan Islam telah mula membuat Dinar dan Dirham sendiri. Selepas zaman Umayyah dan Abbasiyyah nampaknya penggunaan matawang telah berubah kepada penggunaan matawang ”فلس” atau ”فلوس” sehingga lahirlah perkataan ”فلس” dan akhirnya sebagai mengikut pendapat Ahmad al-Salus, dari sinilah bermulanya masalah pelaksanaannya.<sup>8</sup>

Pada masa kini, Dinar emas dan Dirham perak sudah tidak dijadikan sebagai matawang. Malah wang kertas, syiling, dan cek diajdikan sebagai matawang. Mengikut para fuqaha, wang kertas tersebut boleh ditukar dan didagangkan asalkan dilakukan serta merta ”lani” dan diterima (*qabd*), maka hukumnya adalah harus. Selain daripada itu, dalam isu berkaitan perdagangan dan pertukaran matawang, bukan hanya dilakukan serta merta tetapi matawang tersebut boleh diterima oleh negara lain. Dalam hal ini, ringkasan hadis yang dicatat dalam kitab *al-Sunan al-Kubra* oleh imam al-Bayhaqi akan dibuat. Terdapat dua senario yang boleh ketengahkan dan berkait dengan pertukaran dan perdagangan matawang.

Diriwayatkan, di zaman Nabi Muhammad SAW, ‘Abdullah b.‘Umar menjual untanya di Baqi’, Makkah, yang dikatakan ada ketikanya ‘Abdullah b.‘Umar menjual unta kepada pelanggannya sama ada secara tunai atau secara tangguh. Ketika unta tersebut dijual, persetujuan

<sup>6</sup> *Riba al-fadl* dikenali juga sebagai perlakuan riba dengan sebab lebih timbangan.

<sup>7</sup> *Riba al-nasi’ah* ialah perlakuan riba kerana lambat membayar hutang. Umpamanya orang yang berhutang RM100 dengan sebab bayar lambat maka bayarannya menjadi RM110 maka RM10 itu dianggap *riba nasi’ah*.

<sup>8</sup> Ahmad, al-Salus (Dr.), *Ahkam al-nuqud wa Istibdal al-‘umulat*, hlm. 5.

bayarannya melalui matawang Dinar (emas) tetapi semasa menerima barang (unta), pembeli membayarnya dengan Dirham (perak). Alasan pembeli, tidak mempunyai wang Dinar (emas). ‘Abdullah b. ‘Umar bertanyakan hal tersebut kepada Nabi Muhammad SAW, Nabi Muhammad SAW memberitahu ’Abdullah b. ’Umar, لا بأس ان كان بسرع يومها ما لم تفرقوا وبينكما شيء bermaksud, adalah tidak mengapa jika sekiranya harga yang dibayar semasa mengambil barang beliannya itu dengan harga semasa dan selagi pada hari tersebut (penjual dan pembeli) tidak berpisah di antara keduannya.<sup>9</sup> Dalam riwayat lain, ‘Abd Allah b. ‘Umar, menjual untanya di Baqi‘, beliau menjualnya secara tunai atau secara tangguh. Menjual dan menerima bayaran dalam Dinar (emas) tetapi ketika pembeli mengambilnya, pembeli membayar dengan Dirham, kerana pembeli tidak mempunyai wang Dinar. Diadukan hal tersebut kepada Rasulullah SAW, ‘Abd Allah b. ‘Umar berkata kepada Rasulullah SAW, saya telah berjanji untuk menjual unta dengan Dinar (emas) tetapi semasa pembeli menerima barang beliannya, pembeli membayarnya dengan matawang Dirham, saya tidak ambil Dirham tetapi saya ambil *wariq* (iaitu wang perak yang dikeluarkan semasa pemerintahan maharaja Qaisar yang menguasai Parsi dan Iraq) dan saya jual *wariq* tersebut dengan nilai Dirham dan saya nilaikan *wariq* tersebut sebagai nilai Dinar. Rasulullah SAW menjawab, tidak mengapa selagi tukarannya itu mengikut nilai pada hari itu.<sup>10</sup>

Dalam peristiwa lain, diriwayatkan ‘Abdullah b. al-Zubayr yang tinggal di Makkah mempunyai adik lelaki bernama Mus‘ab b. al-Zubayr yang tinggal di Iraq. Diriwayatkan, salah seorang daripada sahabat ‘AbdullÉh b. al-Zubayr yang tinggal di Makkah pada masa itu akan pergi ke Iraq. Tetapi, kawannya yang akan pergi ke Iraq, tidak membawa Dinar dan Dirhamnya. Oleh kerana ditakuti wang tersebut akan hilang di tengah jalan, daripada membawa wang Dinar dan Dirhamnya, dia telah menyerahkan wang tersebut kepada ‘Abdullah b. al-Zubayr di Makkah. Semasa diserahkan wang tersebut, ‘Abdullah b. al-Zubayr di Makkah telah membuat catatan dalam sekeping surat dan surat tersebut dibawa oleh sahabat ‘Abdullah b. al-Zubayr untuk diberikan kepada adik lelakinya yang tinggal di Iraq. Setelah sahabatnya sampai di Iraq, MuÎ‘ab b. Al-Zubayr dikehendaki untuk membayar sejumlah wang yang telah diterima oleh abangnya. Setelah sahabat ‘Abdullah b. al-Zubayr itu sampai di Iraq, beliau menunjukkan surat

<sup>9</sup> Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Jil. 5, *kitab al-Buyu‘ –Bab iqtida’ al-dhahab min al-wariq*, hlm. 284.

<sup>10</sup> Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Qahirah, Dar al-Fikr, Jil. 5, *kitab al-Buyu‘ –Bab iqtida’ al-dhahab min al-wariq*, hlm. 284.

yang dibawanya itu kepada Mus‘ab b. Al-Zubayr, maka Mus‘ab telah membayar jumlah yang sama, iaitu wang Dinar dan Dirham yang diterima oleh abangnya, ‘AbdullÉh al-Zubayr di Makkah sebagai yang disebutkan dalam catatan surat yang diserahkan kepadanya itu.

Catatan surat yang dibawa oleh sahabat ‘Abdullah b. al-Zubayr dan diserahkan kepada Mus‘ab b. al-Zubayr. Dalam fiqh Mu’amalat, pertukaran wang sebegini dikenali sebagai suftajah "سفتجة".

Dalam konteks konvensional, *suftajah* atau *bill of exchange* mungkin boleh diumpamakan sebagai catatan kiriman wang "remittance" iaitu melalui maklumat yang tertulis juga sebagai "telegraphic transfer" di mana penerima akan menerima wang kirimannya dari negara lain mengikut pertukaran nilai matawang yang telah disetujui pada masa itu. Mengikut majoriti fuqaha, syarat penting wang yang diterima oleh penerima di negeri lain itu hendaklah berdasarkan harga tukaran nilai pada hari menerima wang kiriman tersebut dan berlaku dalam majlis (lani).

Justeru, daripada dua senario di atas, perdagangan matawang dalam Islam terdapat dua cara. Pertama, apa yang menyamai dengan pengurup wang "Money Changer" pada hari ini dikenali sebagai "الصرف". Kedua, dikenali sebagai "استبدال العملات" atau apa yang dikenali pada hari ini sebagai "remittance" (*telegraphic transfer*) iaitu kiriman wang melalui bank. Dalam konteks ini, dilihat isu yang kita bincangkan sebagai mengikut para pengkaji ilmiah pada masa ini ialah "المتاجرة بالعملات" atau bermakna "Perdagangan Matawang".

## 1. Pertukaran wang asing (الصرف)

Maksud *al-sarf* ialah menjual harga-harga di antara satu matawang dengan satu matawang yang lain. بيع الأثمان بعضها ببعض<sup>11</sup>. Mengikut Subhi Mahmasani, ia bermaksud, مبادلة النقد بالنقد iaitu

---

<sup>11</sup> Ahmad, al-Salus (Dr.), *Ahkam al-nuqud wa istibdal al-‘umulat*, hlm. 5.

pertukaran matawang dengan matawang.<sup>12</sup> Selain daripada dua hadis yang disebutkan sebelum ini, ramai daripada kalangan para fuqaha ketika membincangkan apa sahaja tajuk yang berkaitan dengan *mu'amalat*, mereka akan menjadikan hadis tersebut sebagai asasnya di mana dalam waktu yang sama kedua-dua hadis-hadis berikut merupakan hadis yang dijadikan sebagai asas perbincangan berkaitan dengan "riba" dalam Islam.

Hadis Nabi:

ما رواه الامام مسلم في صحيحه أن الرسول صلى الله عليه وسلم قال: "الذهب بالذهب، الفضة بالفضة ، البر بالبر ، والشعير بالشعير ، التمر بالتمر ، والملح بالملح ، مثلًا بمثل ، سواء بسواء ، يدا بيد ، فإذا اختلفت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم ، إذا كان يدا بيد

Bermaksud: "Diriwayatkan oleh Muslim dalam sahihnya, bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Emas dengan emas, perak dengan perak, bijirin dengan bijirin, barli dengan barli, kurma (basah) dengan kurma (basah), garam dengan garam, sama nilainya (dari segi timbangan dan sukatan), menyamai satu dengan yang lain, dari tangan ke tangan, jika terdapat perbezaan daripada sudut jenis dan kategorinya, maka jual mengikut apa yang kamu suka selagi jualan berlaku dari tangan ke tangan".

Dalam Hadis lain، الذهب بالذهب الورق ربا الا هاء وفاء او استزاد فقد أربى، الاخذ والمعطى فيه سواء فمن زاد او استزاد فقد أربى، الاخذ والمعطى فيه سواء yang bermaksud, "Sesiapa yang melebihkan atau menuntut lebih (daripada yang sepatutnya), maka dianggap telah melakukan riba, pemberi dan penerima (riba) adalah sama sahaja (daripada sudut melakukan kesalahan mengambil riba).

Umumnya, terdapat enam jenis pertukaran yang disebut dalam Hadis Nabi SAW iaitu gandum فضة ، شعير ، تمر ، garam (ملح) ، Dinar (emas) dan Dirham (perak). Majoriti fuqaha Islam menentukan dua syarat penting untuk perdagangan dan pertukaran enam jenis barang tersebut; pertama – hendaklah pertukaran terhad kepada enam barang

---

<sup>12</sup> Subhi, Mahmasani (Dr.), *Turath al-khulafa' al-rashidin fÈ al-fiqh wa al-qada'*, Beirut, Dar al-'Ilm li al-Malayin, 1984, hlm. 488.

tersebut dan dalam satu jenis dan sama daripada sudut kategori dan grednya dan juga daripada sudut sukanan dan timbangnanya dan syarat kedua; hendaklah didagangkan ketika dalam majlis. Jika berbeza daripada sudut kualiti dan gred, maka hendaklah dijual kemudian dibelikan daripada jumlah wang yang didapati daripada jualan sehingga nilai matawangnya adalah menyamai dengan nilai matawang yang diperlukan. Hadis yang berkaitan dengan masalah pertukaran barang ini juga dicatatkan oleh ramai pakar hadis termasuk imam al-Bayhaqi.

Di Malaysia, pertukaran matawan, umumnya mengharuskan aktiviti tersebut selagi tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Ini sebagai yang dicatatkan dalam Rang Undang-Undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 (Islamic Financial Services Bill 2012) menyebutkan dalam 153 (1), No person shall –

- (a) Engage in any conduct or activities in the Islamic money market or the Islamic foreign exchange market which is contrary to Shariah;<sup>13</sup>... [Tiada seorang akan menceburkan diri dalam sesuatu pelakuan atau aktiviti-aktiviti dalam pasaran modal Islam atau pertukaran wang Islam yang bertentangan dengan undang-undang Islam”]

Dari segi perdagangan, dalam konteks pertukaran barang, pada zaman Rasulullah SAW diriwayatkan, beberapa lelaki telah berjumpa dengan Rasulullah SAW dan membawa bersamanya buah kurma basah gred baik dikenali sebagai "جنيب". Rasulullah SAW bertanya kepada mereka, adakah buah kurma basah khaybar semuanya begitu, mereka menjawab, tidak, tapi kami selalunya menjual satu *sa'* kurma basah (khaybar) gred baik ini dengan dua *sa'* kurma basah gred kurang baik (جمع ) atau dua *sa'* gred baik untuk tiga *sa'* gred kurang baik . Maka Rasulullah SAW bersabda "لَا تَقْعُلْ" لا تفعل" jangan buat begitu, atau dalam riwayat lain انه عين الربا itu adalah riba.<sup>14</sup> Sabda Nabi:

أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكَلَ تَرْ خَيْرَ هَكُذا قَالَ وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا نَشْتَرِي الصَّاعَ بِالصَّاعِينَ مِنَ الْجَمْعِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَفْعِلُوا وَلَكُنْ مَثَلًا بَيْثُلٌ أَوْ تَبِيعُوا هَذَا وَاشْتَرُوا بِثُمنِهِ مِنْ هَذَا وَكَذَلِكَ الْمِيزَانُ —  
رواه مسلم

<sup>13</sup>Islamic Financial Services Bill, Kuala Lumpur, 2012, hal. 132.

<sup>14</sup> Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-kubra*, Jil. 5, *kitab al-Buyu'* – *Man qala bi-jiryan al-riba fÊ kulli ma yukal wa yuzan*, hlm. 285.

Untuk mengelakkan daripada berlaku riba, hendaklah kurma basah gred rendah itu dijual dan wang daripada jualan tersebut kemudian dibelikan kurma basah yang gred baik itu, maka riba tidak berlaku. Ini adalah merujuk kepada perdagangan barang makanan dijual dan dibayar dengan bayaran makanan (*maqayałah*). Manakala perdaganagan emas dan perak disyaratkan jual beli hendaklah serta merta dan dalam majlis.

Daripada sudut prinsip, mengikut syarak, adalah tidak sah pertukaran matawang dengan matawang kecuali jika matawang tersebut boleh diterima serta merta dan nilainya adalah sama dengan nilai matawang yang digunakan dalam kedua-dua negara pada hari yang sama, bukan nilai pertukaran hari semalam atau harga esok hari. Inilah yang difatwakan oleh khulafa' al-Rashidin yang empat itu. Abu Bakr al-Siddiq dan 'Umar b. al-Khattab berpendapat adalah tidak sah menukar matawang Dirham (perak) melalui timbangan. 'Umar b. al-Khattab pernah ditanya oleh seorang sahabat mengenai seseorang sahabat lain yang menukar matawang 1 Dirham (perak) tetapi telah dibayar dengan 2 Dirham (perak), dijawabnya, lebihan bayaran itu adalah riba *al-fadl*. Sayyidina 'Umar pernah dalam suatu khutbah menasihatkan orang-orang Islam, "Wahai manusia, sesungguhnya jual Dirham dibayar dengan Dirham, jual Dinar dibayar dengan Dinar, (jualan matawang dibayar dengan matawang) hendaklah sama timbangannya, sama jenisnya dan jika bayarannya melebihi nilainya itulah namanya riba *al-fadl*.<sup>15</sup>

Maksud hadis ini, sebagai yang riwayatkan oleh 'Uthman, bahawa Nabi berkata kepadanya, "Jangan jual matawang 1 Dinar (emas) supaya dibayar dengan 2 Dinar (emas) dan jangan jual 1 Dirham (perak) supaya dibayar dengan 2 Dirham (perak)". Diriwayatkan oleh Sayyidina 'Ali melalui hadis lain berkata, yang bermaksud, "Dinar (emas) dibayar dengan dinar (emas) dan Dirham (perak) dibayar dengan Dirham (perak) tidak dilebihkan nilai kedua-dua matawang tersebut, sesiapa yang berhajatkan kepada *wariq*, maka tunaikanlah dengan *wariq* juga, beri dan ambil". Maksudnya, apabila penjual memberikan barang yang hendak dijual dan pembeli pun mengambil barang yang dibeli itu dengan segera dan bukan bertangguh. Oleh itu, jika sekiranya didapati matawang itu adalah dalam kategori yang sama jenisnya, maka tidak boleh ditukarkan matawang tersebut kecuali dalam majlis akad jualan yang sama.

---

<sup>15</sup> Subhi, Mahmasani, *Turath al-khulafa' al-Rashdin fÈ al-fiqh wa al-qada'*, hlm. 489; lihat juga, Waqi' al-Qadi, *Akhbar al-qudah*, Qahirah, al-Maktabah al-tijariyyah al-kubra, 1950, Jil. 2, hlm. 193; Ibn Hazm, *al-Muhalla*, Riyad, Wizarat al-shu'un al-Islamiyyah wa al-awqaf wa al-da'wah wa al-Irshad, t.th., Jil. 8, No: 1483, 1500, 1502.

Inilah yang telah dihukumkan oleh ‘Umar b. al-Khattab berkaitan dengan pertukaran matawang yang berlaku di antara Malik b. Aws dan Talhah b. al-Zubayr (pengurup wang). Malik b. Aws menukar matawang sebanyak 100 Dinar daripada Talhah. Selepas matawang tersebut diambil oleh Talhah b. al-Zubayr, beliau (Talhah b. al-Zubayr) tidak memberikan wang tukarannya tetapi memberi tempoh kepada Malik b. Aws supaya menunggu sehingga orang yang menjaga khazanahnya itu datang ke tempat berlaku pertukaran wang tersebut. Diriwayatkan, apabila ‘Umar b. al-Khattab mendengar cerita yang Talhah b. al-Zubayr memberi tempoh masa kepada Malik b. Aws untuk mendapatkan tukaran wangnya sehingga penjaga khazanahnya datang, ‘Umar b. al-Khattab menasihati Malik b. Aws, ”Jangan kamu berpisah dari majlis tersebut kecuali setelah kamu dapat mengambil wang yang kamu tukar itu”. Penerangan ini sebagai menjelaskan hadis Nabi lain yang bermaksud, ”Jual emas dibayar dengan emas itu riba kecuali dilakukan serta merta, diberi dan diambil, bukan bertangguh.”<sup>16</sup>

Dalam urusan perdagangan matawang ini, kadang-kadang matawang itu daripada jenis yang sama (Dinar emas digunakan oleh orang-orang Parsi dengan Dinar emas yang digunakan oleh orang-orang Arab di Madinah), di mana kadang-kadang matawang yang dari satu negara lagi itu amat tidak stabil. Jika ini berlaku, adalah tidak sah menjual matawang tersebut dengan tambahan nilai yang sepatutnya atau nilai matawangnya dikurangkan daripada harga dan nilainya yang asal.

Contoh kegiatan perdagangan dan pertukaran wang pada zaman Khulafa’ al-Rashidin. Diriwayatkan seorang lelaki telah datang berjumpa dengan Imam ‘Ali dan berkata, ”Wahai Amir al-Mu’mimin, matawang kertas yang ada pada saya ini tidak laku, bolehkah saya tukarkan wang ini, mungkin nilai tukarannya akan lebih dan mungkin akan kurang...” Maka ‘Ali menjawab, ”Itulah dia riba *al-‘ajlan*” sambil memberitahu kepadanya, ”Jika kamu mempunyai matawang perak, jangan kamu belanjakan wang itu tetapi jual wang perak itu sehingga kamu dapat wang emas, selepas itu jual matawang emas kamu itu sebagai mengikut yang kamu suka”. Ini adalah bersesuaian dengan hadis Nabi yang diriwayatkan oleh ‘Ali sebelum ini. ‘Umar b. al-Khattab

---

<sup>16</sup>Subhi, Mahmasani, *Turath al-khulafa’ al-rashdin fÈ al-fiqh wa al-qada*’, hlm. 489; lihat juga Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-bari*, Qahirah, Dar al-Sha‘b, t.th., Jil. 4, hlm. 315-316; Ahmad b. Hanbal, *Musnad Ahmad*, Qahirah, Mu’assasah Quttubah, t.th., Jil. 1, hlm. 35 & 45; al-Suyuti, *al-Muwatta’ bi-sharh al-Suyuti*, Qahirah, al-Maktabah al-Tijariyyah al-kubra, 1989, Jil 2, hlm. 60-61; Ibn Hazm, *al-Muhalla*, Riyad, Wizarah al-Shu’un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da‘wah wa al-Irshad, Jil. 9: No: 1557; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Qahirah, Dar Ilyā’ al-Turath al-‘Arabi, 1985, Jil. 4, hlm. 131; Ibn al-Humam, *Fath al-qadir*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Jil. 5, hlm. 286; ;al-Nawawi, *al-majmu’*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.th., Jil. 1, hlm. 106;al-Qurtubi, *tafiir al-qurtubi*, Riyad, Dar ‘Alam al-Kutub, Jil. 3, hlm. 350.

pernah berkhutbah mengenai isu ini dengan katanya ,”Wahai manusia, jangan jual matawang 1 Dirham dibayar dengan 2 Dirham, kerana itu adalah riba *al-‘ajalan*. Sesiapa yang mempunyai wang Dirham palsu, pergilah ke pasar dan beritahu kepada orang ramai yang ada di pasar itu bahawa matawang yang kamu miliki itu adalah palsu, mungkin ada penjual yang mahu menerima wang palsu mu itu.”<sup>17</sup>

Berdagang dan bertukar-tukar matawang walaupun matawang itu berbeza dari segi nilainya hukumnya, mengikut majoriti fuqaha adalah juga harus. Harus pertukaran ini dilakukan dengan tidak mensyaratkan yang matawang tersebut sama dari segi jenisnya. Ini selagi pertukaran dalam perdagangan itu dilakukan dengan serta merta dan diterima juga dengan serta merta. Oleh itu, ‘Umar b. al-Khattab berkata, adalah tidak sah menukar wang emas dengan wang perak kecuali pertukaran wang emas dan wang perak itu dilakukan serta merta dan di dalam majlis. Ketika ditanya oleh salah seorang daripada rakyat jelatanya, ‘Umar b. al-Khattab menjelaskan, ”Dari tangan kamu ke tangan dia, jika dia menyuruh kamu supaya menunggu di suatu penjuru, jangan tunggu”.<sup>18</sup>

## 2. Kiriman wang (سُفْتَاجَةٌ)

*Suftajah* (bill of exchange) literalnya bererti seseorang meminjamkan wangnya kepada orang lain di sebuah negeri (*muqrider*) dan kemudian pinjaman tersebut dibayar oleh orang lain di negeri lain (*muqtarid*). Untuk memudahkan perbincangan isu ini dicatatkan berikut:

Pinjaman yang dibayar oleh orang lain dikenali sebagai *hiwalah*. Pinjaman yang dibayar di luar negeri ialah *softajah*. Manakala, pinjaman yang bayarannya dilakukan oleh orang lain dan di negeri lain adalah *hiwalah* dan *softajah*.

*Suftajah* dalam bahasa Inggeris disebut sebagai ”*bill of exchange*”. *Suftajah* ada dua jenis:

<sup>17</sup>Subhi, Mahmasani, *Turath al-khulafa’ al-rashdin fÈ al-fiqh wa al-qada’*, hlm. 490; lihat juga al-Sarakhsi, *al-mabsut*, Beirut, Dar al-Fikr li al-Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2000, Jil. 14, hlm. 9-11;Ibn Hazm, *al-muhalla*, Jil. 8 , No : 1488.

<sup>18</sup>Subhi, Mahmasani, *Turath al-khulafa’ al-rashdin fÈ al-fiqh wa al-qada’*, hlm. 490; lihat juga al-Shawkani, *Nayl al-awtar*, Beirut, Dar al-Jil, 1973, Jil. 5 : 133;al-Sarakhsi, *al-mabsuÈ*, Jil. 2, hlm. 11;Sahnun , *al-mudawwanat al-kubra*, Beirut, Dar al-Fikr, t.th., Jil. 8, hlm. 112 ;Ibn Hazm, *al-muhalla*, Jil. 8, No: 1492.

A) *Suftajah dayn* (secara hutang) dan;

B) *Suftajah qard* (secara pinjaman).

- A. *Sufatajah* secara hutang (*sufatajah dayn*) hukumnya harus sama seperti jualan secara bertangguh atau (salam), sewaan ( menjual manfaat) . *Suftajah* secara hutang, mengikut majoriti fuqaha, walaupun dilakukan bayarannya di negara lain hukumnya juga adalah harus.<sup>19</sup>
- B. *Suftajah* secara pinjaman (*sufatajah qard*) hukumnya juga adalah harus jika sekiranya dilakukan di negara lain tanpa syarat kerana tujuannya adalah kebaikan (*ma 'ruf*), maka *sufatajah* secara pinjaman hukumnya harus iaitu menyamai hukum "*hiwaalah*".<sup>20</sup>

Justeru, yang menjadi perselisihan dalam kalangan fuqaha ialah *sufatajah* secara pinjaman (*sufatajah qard*) yang bukan sahaja bersyarat tetapi dilakukan di negara lain. Fuqaha berselisih pendapat dari segi hukumnya seperti berikut:

Pendapat pertama - Mazhab al-Shafi'i dan al-Zahiri *sufatajah* secara pinjaman (*sufatajah qard*) yang bersyarat dan dilakukan di negara lain hukumnya tidak sah.<sup>21</sup> Pendapat kedua - Mazhab Maliki, Ḫanbalī, Imamiyyah dan sebahagian pengikut mazhab al-Shafi'i bahawa *sufatajah* secara pinjaman (*sufatajah qard*) yang tidak bersyarat walaupun dilakukan di negara lain, hukumnya harus.<sup>22</sup> Alasannya, kerana umumnya, *suftajah* secara pinjaman bertujuan memudahkan pihak yang membayar pinjaman (*muqtarid*) kerana pihak yang mengambil pinjaman tidak perlu menyewa kenderaan untuk membawa wang tersebut ke luar negeri (yang pada biasanya pihak yang membayar pinjaman (*muqtarid*) mesti mengeluarkan belanja untuk membawa wang tersebut ke luar negeri) dan peminjam (*muqrīd*) pula tidak akan merasa bimbang kehilangan wang yang akan dibawanya. Maka melalui *sufatajah* secara pinjaman ini para fuqaha mengaitkannya dengan teori sewaan (*ijarah*) dan jaminan yang wang itu selamat (*damanah*). Justeru, mengikut majoriti fuqaha, selagi tidak disyaratkan isu "sewaan" dan "jaminan yang itu

<sup>19</sup>Rafiq Yunis, al-Masri, *al-Suftajah miftah min mafatih fahm al-riba fÈ al-Islam, al-jadid fi fiqh al-suftajah*, Jeddah, Markaz abhath al-iqtisad al-Islami, Jami'ah al-Malik 'Abd al-'Aziz, 2007, hlm. 1-2.

<sup>20</sup>Ibid., lihat juga "*al-hiwalah*", al-Mawsu'ah al-fiqhiyyah, wizarat al-awqaf al-kuwaytiyyah.

<sup>21</sup>Ibid., lihat juga "*al-hiwalah*", al-Mawsu'ah al-fiqhiyyah, wizarat al-awqaf al-kuwaytiyyah.

<sup>22</sup>Ibid., lihat juga "*al-hiwalah*", al-Mawsu'ah al-fiqhiyyah, wizarat al-awqaf al-kuwaytiyyah.

selamat” maka *sufatajah* secara pinjaman hukumnya harus. Seolah-olahnya terdapat dua akad di antara keduanya iaitu; akad pinjaman (*qard*) dan akad hibah yang kedua-dua akad tersebut bererti mendekatkan diri kepada Allah yang tujuannya ialah sedekah. Tetapi jika *suftajah* secara pinjaman itu dengan mengenakan ”sewaan” dan ”mensyaratkan wang itu selamat” dan bukan lagi amanah, maka *suftajah* secara pinjaman seperti ini dianggap haram, kerana ianya membawa kepada riba alasannya kerana terdapat unsur ”*jarra manfa ‘ah*” bagi pihak yang membayar pinjaman di negeri lain (*muqtarid*).<sup>23</sup>

Melihat kepada ciri-ciri yang terdapat dalam perdagangan dan pertukaran matawang asing, saya berpendapat perbahasannya adalah lebih sesuai dengan pendekatan baru yang dikenali dalam kalangan ulama fikah kontemporari sebagai **المتاجرة بالهامش**. Di antara penyelidik yang mengkaji hal ini ialah ‘Abdullah b. Muhammad b. Hasan al-Su‘aidi, anggota akademik Universiti Malik Su‘ud, Bahagian Kebudayaan Islam, Saudi Arabia, ‘bertajuk ”*al-Mutajarah bi al-Hamish*, *Dirasah Taswiriyyah Fiqhiyyah*, Rabitah al-‘Alam al-Islami, Majma‘ al-Fiqh al-Islami dawrah 18, Dr. Muhammad ‘Uthman Bashir, *al-Mutajarah bi al-Hamish*, Kulliyyah al-Shari’ah, Universiti Qatar, Dr. Mu‘ammad ”Ali al-Qarri, Universiti King Abd al-Aziz, Jeddah, Prof. Dr. Shawqi Ahmed Dunya, *al-Mutajarah bi al-Hamish*, Fakulti Perniagaan, Universiti al-Azhar cawangan al-Mansurah, Mesir dan Hamzah b Husayn al-Fa’r al-Sharif, *al-Ahkam al-Shar‘iyyah li-Tijarat al-Hamish*, Kulliyyah al-Shari’ah, Universiti Umm al-Qura, Makkah.

Di antara isu-isu yang dibangkitkan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang ini daripada sudut fikah Islam ialah seperti berikut:

Mengikut pendapat Ahmad Shawqi Dunya, bahawa perdagangan dan perukaran wang secara *suftajah* dianggap tidak halal dan haram hukumnya. Ini kerana pinjaman yang diberikan terdapat unsur riba; terdapat unsur penggadaian (*murahanah*) dan perjudian (*muqamarah*); boleh membawa kemudarat sama ada yang terlibat atau masyarakat dan akibatnya dalam skala yang lebih besar boleh membawa kepada ketidakstabilan ekonomi; perniagaan dan perdagangan

---

<sup>23</sup> Ibid., lihat juga ”*al-hiwalah*”, al-Mawsu‘ah al-fiqhiyyah, wizarat al-awqaf al-kuwaytiyyah.

matawang dengan mengenakan syarat pinjaman berdasarkan kepada marjin adalah membuka akad baru, seolah-olah seperti dua jualan dalam satu akad dan ini adalah bertentangan dengan Islam maka hukumnya adalah haram; menjual barang sebelum barang yang dibeli berada dalam pegangan (*qabd*).

Manakala mengikut Hamzah b Husayn al-Fa'r al-Sharif mengatakan bahawa pinjaman daripada broker iaitu dengan membayar lebih yang terdapat unsur riba; lambat berada di dalam pegangan (*qabd*) si pembeli; pinjaman yang diberikan kepada penggiat disyaratkan hendaklah berlaku jual beli dengan pihak yang memberi pinjam. Sedangkan semua ini adalah bertentangan dengan pinjaman sebagai yang dibahaskan dalam fiqh *mu'amalat* Islam di mana sesuatu pinjaman, langsung tidak memberikan apa-apa syarat; perdagangan sebegini adalah tidak harus sebab terdapat jual (*bay'*) dan pinjaman (*salaf*), tiada *qabd* dan pinjaman yang diberikan kepada penggiat dianggap terdapat unsur *shubhah*, maka dari segi hukumnya menjadi tidak harus kerana wujud pinjaman dan habuan daripada broker *al-qard wa al-mu'awadah* yang kesannya membawa kepada memberi pinjaman tetapi mempunyai kepentingan "*qard jarra manfa'ah*".

## KESIMPULAN

Pertukaran dan perdagangan matawang asing dalam sistem Islam klasik terbentuk melalui dua mekanisma *al-sarf* atau dalam konteks masa ini dikenali sebagai *money changer*, seseorang menukar wang sesebuah negeri kepada matawang negeri lain dan *suftajah*, menyamai dengan sistem perbankan yang diamalkan pada hari ini iaitu kiriman wang melalui sistem "*telegrafic transfer*", satu mekanisma yang digunakan oleh bank-bank konvensional dalam urusan pengiriman wang dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain. Dua persamaan mekanisma dalam sistem perbankan klasik dan konvensional seharusnya diharmonikan supaya dapat menepati kehendak sistem perbankan Islam tulen dan dalam waktu yang sama boleh dijadikan asas penentuan hukum berdagang dengan *FOREX* pada masa kini kerana konsep dan teori *al-sarf* dan *suftajah* dalam fiqh *mu'amalat* telah menggariskan ciri-ciri penting yang telah memastikan pertukaran matawang adalah bertepatan dengan kehendak syara.

### Rujukan

Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam artikel ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

Ahmad. al-Salus. (t.th.). *Ahkam al-nuqud wa istibdal al- 'umulat*, Qahirah: Dar al-I'tisam.

Ahmad b. Hanbal. (t.th.). *Musnad Ahmad*, Qahirah: Mu'assasah Qurtubah.

al-Baladhuri. (1956). *FuthÍ al-buldan*. Qahirah: Maktabah al-Majlis al-'Ilmi.

Al-Bayhaqi. (t.th.). *al-Sunan al-Kubra*. "Bab al-Buyu' – Man qala bi-jiryan al-riba fÈ kulli ma yukal wa yuzan". Qahirah: Dar al-Fikr.

Ibn Hazm. (t.th.). *al-Muhalla*. Riyad: Wizarat al-shu'un al-islamiyyah wa al-awqaf wa al-da'wah wa al-Irshad. Jil. 8.

Ibn Hajar. al-'Asqalani. (1988). *Fath al-bari bi-sharh sahih al-bukhar*. Qahirah: Dar al-Diyān li al-Turāth. Edisi kedua.

Ibn Humam. (2003). *Fath al-qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Khaldun. (1996). *al-Muqaddimah*. Qahirah: Dar al-Nahdah.

Ibn Qudamah. (1985). *al-Mughni*, Qahirah: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

M.Zarra. Nezhad. (2004). *A Brief history of money in Islam and estimating value of dirham and dinar*. International Association for Islamic Economics 2004, Review of Islamic Economics, Jil. 8, No. 2, hlm. 51.

*Al-Mawsu 'ah al-fiqhiyyah*. (2008). wizarat al-awqaf al-kuwaitiyyah. al-Kuwayt: al-Maktabah al-Waqfiyyah li al-Kutub.

Al-Nawawi. (t.th.). *al-Majmu'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Qurtubi. (2003). *Tafsir al-qurtubi*. Riyad:Dar 'Alam al-Kutub.

Rafiq Yunis, al-Masri, (2007). *al-Suftajah miftah min mafatih fahm al-riba fÈ al-islam, al-jadid fi fiqh al-suftajah*, Jeddah: Markaz abhath al-iqtisad al-Islami, Jami'ah al-Malik 'Abd al-'AzÈz.

Sahnun. Sa'id al-Tanawkhi. (1963). *al-Mudawwanat al-kubra li al-imam malik b. anas*. Qahirah : Matba'at al-Sa'adah.

al-Sarakhsî. (1986). Abu Bakr Muhammad b. Abî Salîh Ahmad Shâms al-Dîn. *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Mâ'rîfah - Dar al-Fîkr li al-Tîbâ'ah wa al-Nâshr wa al-Tawzî'.

al-Shawkâni. Muhammad b. 'Ali. (1973). *Nayl al-awtar*, Beirut: Dar al-Jil.

Subhi. Mahmasani. (1984). *Turâth al-khulâfa' al-rashîdin fî al-fîqh wa al-qâda'*, Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malâyîn.

Al-Suyûti. (1989). *Tanwîr al-hawâlik al-Muwattâ' bi-shârh al-Suyûti*, Qâhirah: al-Mâktabah al-Tijâriyyah al-Kubrâ.

Waqqî'. al-Qâdi. (1950). *Akhbar al-qudâh*, Qâhirah: al-Mâktabah al-Tijâriyyat al-Kubrâ.